

KONSENSUS PAKAR TERHADAP PEMBINAAN KOMPONEN UTAMA KOMPETENSI GURU PENDIDIKAN ISLAM BERDASARKAN PRINSIP ASAS MAQASID SYARIAH: APLIKASI KAEDAH FUZZY DELPHI

Expert Consensus on The Construction Of The Main Component Of Islamic Education Teacher Competency Based On The Basic Principles Of Maqasid Syariah: Application Of Fuzzy Delphi Method

Muhammad Asraf Mazlanⁱ & Najahudin Latehⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pelajar Pasca Siswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Selangor.

Emel: asraf.pascasiswazah@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan (PhD), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Selangor.

Emel: najahudin@salam.uitm.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan konsensus atau kesepakatan pakar terhadap pembinaan komponen utamakompetensi khusus bagi Guru Pendidikan Islam (GPI) berdasarkan kepada prinsip-prinsip asas yang terkandung dalam Maqasid Syariah. Kajian ini juga bagi menentukan ranking (turutan keutamaan kedudukan) bagi setiap komponen yang dihasilkan. Bagi mencapai matlamat tersebut, Kaedah Fuzzy Delphi atau Fuzzy Delphi Method diaplikasikan dengan menggunakan skala Likert 7 poin bagi mendapatkan konsensus 10 orang pakar daripada pelbagai bidang yang terlibat sebagai informan. Borang soal selidik dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu; (1) Bahagian A: Demografi Pakar; dan (2) Bahagian B: Komponen Utama iaitu Religiositi, Spiritual dan Fizikal, Intelektual dan Kemahiran, Personaliti, dan Pengurusan dan Kepimpinan. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan Triangular Fuzzy Numbers (Pernomboran Segi Tiga Fuzzy). Manakala ranking pula</i></p>	<p><i>This study aims to get consensus or expert agreements on building main components for Islamic Education Teachers competency based on basic principles contained in Maqasid Syariah. This study also determined the ranking (order of priority rank) for each resulting component. In order to achieve that goal, Fuzzy Delphi Methods were applied on a Likert 7 point scale to obtain a consensus of 10 experts from various fields that involved as informants. The questionnaire form divided into 2 parts: (1) Section A: Expert Demography; and (2) Section B: Main components of Religiosity, Spirituals and Physical, Intellectual and Skills, Personality, and Management and Leadership. Data obtained is analyzed using the Triangular Fuzzy Numbers. Whereas ranking was determined via Defuzzication Process. As a result, expert views have reached consensus levels beyond 75 percent (%). The threshold value also meets the condition set which is less than 0.2 ($d < 0.2$) and α-cut exceeds 0.5. Overall, it can be concluded that the</i></p>

<p>ditentukan melalui Defuzzication Process (Proses Defuzzication). Hasilnya, pandangan pakar telah mencapai tahap konsensus melebihi 75 peratus (%). Nilai threshold juga menepati syarat yang ditetapkan iaitu kurang daripada 0.2 ($d < 0.2$) dan α-cut melebihi 0.5. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa aplikasi Maqasid Syariah dalam reka bentuk komponen utama kompetensi khusus bagi Guru Pendidikan Islam dilihat amat signifikan terhadap transformasi ilmu dan pendidikan. Kewujudan bentuk kompetensi seperti ini menjadi titik tolak terhadap pembinaan kompetensi yang khusus mengikut bidang dan opsyen para guru. Secara tidak langsung, ia dapat memberikan suatu dimensi baharu bagi dunia pendidikan seterusnya mengangkat profesion perguruan ke tahap yang lebih tinggi.</p> <p>Kata kunci: Fuzzy delphi, pendidikan Islam, kompetensi guru, konsensus pakar, Maqasid Syariah</p>	<p>application of Maqasid Syariah in the design of the main components of specific competencies for Islamic Education Teachers is seen as very significant to the transformation of knowledge and education. The existence of such a form of competency would be a turning point for the construction of specific competencies according to the field and options of teachers. Indirectly, it can give a new dimension to the world of education and so on raise the teaching profession to a higher level.</p> <p>Keyword: Fuzzy delphi, Islamic education, teacher competency, expert consensus, Maqasid Syariah</p>
--	---

PENDAHULUAN

Profesion perguruan kini dianggap lebih mencabar bermula tahun 2020 kerana kepelbagaian peranan dan watak yang dimainkan oleh guru (Siraj & Ibrahim, 2013). Bagi mendepani situasi tersebut, kompetensi guru yang pelbagai amat diperlukan sebagai piawaian terhadap prestasi kerja yang unggul bagi mencapai matlamat dan aspirasi pendidikan negara (Ibrahim & Razak, 2015; Rahman *et al.*, 2019; Zakaria *et al.*, 2017). Hal ini demikian kerana kejayaan sistem pendidikan adalah bergantung sepenuhnya terhadap kompetensi guru (Ibrahim & Razak, 2015). Oleh yang demikian, sebagai tenaga kerja profesional, guru yang berkemampuan tinggi amat diperlukan bagi memacu segala agenda pendidikan kebangsaan sama ada melalui dasar sedia ada mahupun dasar baharu yang akan diperkenalkan kelak (Zaini *et al.*, 2020).

PERNYATAAN MASALAH

Suatu perkara yang amat menarik untuk dibincangkan ialah apabila kita berbicara tentang kompetensi guru, ia terus menjadi perbincangan dalam kalangan para sarjana sehingga kini (Salleh *et al.*, 2020). Perkara yang mendasari perbincangan tersebut adalah perbezaan bilangan dan elemen kompetensi guru (Jamil *et al.*, 2017). Menurut pengamatan pengkaji, polemik

tersebut berlaku adalah disebabkan oleh sudut pandang yang berbeza dalam kalangan sarjana terhadap kompetensi yang diperlukan oleh guru. Jamil *et al.* (2017) menegaskan penambahbaikan terhadap kepelbagaian kompetensi yang diperlukan oleh guru perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa. Ernawati dan Sihes (2014) menegaskan bahawa ternyata wujud keperluan untuk menggabungkan model-model kompetensi sedia ada secara menyeluruh bagi menghasilkan mutu kerja dan prestasi yang unggul.

Kejayaan sesebuah sistem pendidikan bergantung kepada kualiti dan kompetensi guru itu sendiri (Mustapha *et al.*, 2019). Antara usaha yang perlu dijalankan adalah dengan pembinaan kompetensi guru berdasarkan opsyen guru. Hal ini demikian kerana keperluan profesional, kemahiran, dan kompetensi guru adalah berbeza mengikut kapasiti, bidang, dan opsyen masing-masing (Ramlie, 2017). Tegas beliau, bagi GPI sudah semestinya kesemua elemen tersebut disandarkan kepada pandangan Islam berbanding pandangan barat. Persoalannya, apakah kriteria dan bentuk sandaran yang sepatutnya diketengahkan bagi membina kompetensi khusus bagi GPI yang berkualiti tinggi?

Bagi merungkai permasalahan tersebut, kajian ini dikemukakan sebagai salah satu cadangan penyelesaian bagi menutup jurang yang ada. Oleh yang demikian, matlamat utama kajian ini adalah untuk membina dan mereka bentuk komponen utama kompetensi khusus bagi GPI bersandarkan kepada asas-asas Islami iaitu Maqasid Syariah. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, kajian ini mengaplikasikan Teknik Delphi (TD) bagi mengumpul dan mendapatkan konsensus sekumpulan pakar dan dianalisis menggunakan Kaedah *Fuzzy* Delphi (FDM) yang terbukti mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

SOROTAN LITERATUR

Agenda pembangunan tenaga manusia dalam kalangan guru tidak pernah dikesampingkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Standard Guru Malaysia (SGM) yang diperkenalkan oleh KPM pada tahun 2009 (KPM, 2009) merupakan sebuah dokumen yang menjadi panduan bagi warga guru untuk membangunkan kompetensi dari sudut amalan profesionalisme, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran. Manakala pelancaran Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) pada tahun 2016 melalui Bahagian Pendidikan Guru (BPG) (KPM, 2016a) merupakan inisiatif KPM untuk terus menjamin kualiti guru melalui bengkel, kursus, seminar, dan latihan yang dijalankan. Hal ini membuktikan bahawa KPM sentiasa komited untuk memberikan dorongan bagi mengembangkan kebolehan, potensi, dan kompetensi warga guru.

Dalam sistem persekolahan di Malaysia, Guru Pendidikan Islam (GPI) merupakan guru terlatih yang mempunyai kelayakan ikhtisas perguruan

dalam Pendidikan Islam serta komponen-komponennya daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang diiktiraf oleh KPM (Ramlie, 2017). GPI seringkali diangkat menjadi *role model* dan *qudwah hasanah* terbaik sama ada dalam dan luar sekolah (Hamdan & Jasmi, 2016) menjadi nadi utama bagi mencapai aspirasi yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) (Tamuri & Ajuhary, 2010). Oleh yang demikian, tidak dapat tidak para GPI perlu memperkembangkan diri mereka dengan elemen kompetensi yang bersifat holistik.

Maqasid Syariah mula dipopularkan dan dipromosikan oleh al-Syathibi melalui karyanya *al-Muwafaqat fi Ushul al-Syari'ah* (Naim, 2003). Tokoh sarjana kontemporari al-Raysuni (1997) mentakrifkan Maqasid Syariah sebagai الغايات

التي وضعت الشريعة لأجل تحقيقها لمصلحة العباد iaitu "Tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh syariat bagi merealisasikan kemaslahatan umat". Kunci utama yang terkandung dalam tujuan dan objektif Maqasid Syariah adalah bagi mencapai *maslahah* (kebaikan) dan menolak *mafsadah* (kemudharatan) dalam segenap aspek kehidupan manusia, lebih-lebih lagi dalam bidang pendidikan (Rashid *et al.*, 2019).

Para sarjana telah membahagikan Maqasid Syariah kepada tiga bahagian berdasarkan kesandan kepentingannya kepada *maslahah* manusia iaitu *al-Dharuriyyat*, *al-Hajiyyat*, dan *al-Tahsiniyyat* (Wahab, 2011). Penggunaan istilah *al-Dharuriyyat al-Khamsah* dipelopori oleh al-Ghazali (1993) menerusi karyanya *al-Mustashfa min 'Ilm al-Ushul* yang menjelaskan bahawa terdapat lima perkara (prinsip-prinsip asas) yang terkandung dalam tujuan-tujuan syariat, iaitu:(1) *Hifz al-Din* (pemeliharaan agama); (2) *Hifz al-Nafs* (pemeliharaan nyawa); (3) *Hifz al-'Aql* (pemeliharaan akal); (4) *Hifz al-Nasl* (pemeliharaan keturunan); dan (5) *Hifz al-Mal* (pemeliharaan harta).

Kajian yang dijalankan oleh Rashid *et al.* (2019) telah mengengahkan konsep Maqasid Syariah yang diaplikasikan dalam Pembelajaran Abad ke-21 (PAK 21). Kajian tersebut menjadi titik tolak di mana kompetensi para pelaksana terhadap sistem pendidikan negara iaitu guru juga perlu dibangunkan melalui konsep Maqasid Syariah. Melalui kajian ini, pembinaan komponen utama kompetensi khusus bagi GPI adalah berdasarkan prinsip-prinsip asas yang terkandung dalam Maqasid Syariah. Lima prinsip asas tersebut telah diekstrak bagi mereka bentuk lima komponen utama kompetensi khusus GPI iaitu:(1) Religiositi (penghayatan agama); (2) Spiritual dan Fizikal; (3) Intelektual dan Kemahiran; (4) Personaliti; dan (5) Pengurusan dan Kepimpinan.

Kelima-lima komponen utama tersebut dibina dan dihasilkan berdasarkan sorotan kajian literatur seperti Standard Guru Malaysia (SGM) (KPM, 2009), Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) (KPM, 2016a), dokumen Standard Prestasi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan

(Edisi Awal) (KPM, 2016b) serta gabungan model-model kompetensi sedia ada seperti Model Kompetensi Aisberg oleh Spencer dan Spencer (1993). Kesemua komponen utama ini telah dinilai dan ditentukan sahkan berdasarkan konsensus sekumpulan pakar melalui TD dan dianalisis melalui kaedah FDM. Reka bentuk, instrumen, sampel, dan prosedur kajian diterangkan secara tuntas pada bahagian metodologi kajian.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian: Kaedah *Fuzzy Delphi* (FDM)

Proses pembinaan komponen utama kompetensi ini adalah melalui konsensus pakar menggunakan TD. Ia merupakan sebuah teknik yang digunakan bagi mengumpulkan maklumat daripada sekumpulan pakar di mana ia telah mula diperkenalkan di RAND Corporation oleh Olaf Holmer dan Norman Dalkey pada awal tahun 1950an (Cope, 1981; Lang, 1995). Para sarjana berpandangan bahawa TD merupakan suatu set prosedur penyelesaian masalah dengan mengumpulkan pandangan sekumpulan pakar yang benar-benar pakar (Brown, 1968; Dalkey & Helmer, 1963; Ley & Anderson, 1975). Oleh kerana itu, TD telah diaplikasikan secara meluas dalam pelbagai bidang termasuk bidang pendidikan seperti membentuk garis panduan, standard, ramalan aliran semasa, analisis dan keberkesanan kos, objektif pendidikan dan perancangan kurikulum (Green, 2014).

TD mengalami transformasi dari semasa ke semasa dalam dunia penyelidikan terutamanya dari aspek pengukuran dan analisis data. Kaedah *Fuzzy Delphi* atau *Fuzzy Delphi Method* diasaskan daripada Teori Set *Fuzzy* oleh Zadeh (1965) telah mula diperkenalkan oleh Murray *et al.* (1985) merupakan penambahbaikan terhadap fungsi sedia ada TD (Ahmad, 2018). Oleh yang demikian, gandingan tersebut telah menjadikannya sebagai sebuah kaedah penyelidikan yang empirikal bagi mengumpul dan menganalisis data berdasarkan kesepakatan sekumpulan pakar (Lateh *et al.*, 2017).

Secara umumnya, FDM merupakan suatu teknik, kaedah, dan instrumen (Ahmad, 2018; Lateh, 2016) pengukuran yang dinamakan semula berdasarkan TD (Jamil & Noh, 2020). FDM digunakan dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan konsensus pakar terhadap pembinaan komponen utamakompetensi khusus bagi GPI berdasarkan prinsip-prinsip asas Maqasid Syariah yang dicadangkan.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik bagi mendapatkan data kuantitatif bertujuan untuk mendapatkan konsensus sekumpulan pakar bagi menilai dan mengesahkan setiap komponen utama kompetensi khusus Guru Pendidikan

Islam yang dibina. Soal selidik ini disahkan oleh dua orang pakar, iaitu pakar bahasa dan pakar kandungan.

Sampel Kajian

Pemilihan pakar yang bertindak sebagai informan bagi kajian ini adalah berbentuk *purposive sampling* (persampelan bertujuan). Perkara ini selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Hasson *et al.* (2000) yang menyatakan bahawa teknik persampelan bertujuan amat sesuai digunakan dalam FDM. Terdapat beberapa pandangan sarjana terhadap saiz bilangan pakar FDM. Phillips (2000) mencadangkan bilangan pakar adalah antara tujuh hingga 12, manakala Delbecq *et al.* (1975) dan Adler dan Ziglio (1996) antara 10 hingga 15 orang. Clayton (1997) pula mencadangkan antara 5 hingga 10 orang, dengan syarat pakar yang dipilih itu adalah berlatar belakang disiplin ilmu yang pelbagai. Oleh itu, saiz bilangan pakar yang dipilih bagi kajian ini adalah 10 orang pakar yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza.

Prosedur

Langkah pertama ialah penentuan dan pemilihan pakar. Proses ini dilakukan dengan teliti agar pakar yang terlibat bersesuaian dengan konteks kajian. Menurut para sarjana, seseorang dianggap pakar apabila mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi (Swanson *et al.*, 2001), serta telah berkhidmat dalam bidangnya melebihi lima tahun (Berliner, 2004a). Bagi konteks kajian ini, semua pakar yang dipilih terbukti berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, serta telah berkhidmat dalam bidangnya secara berterusan melebihi tempoh lima hingga 10 tahun (Creswell & Creswell, 2017). 10 orang pakar tersebut dibahagikan kepada empat kategori berdasarkan kepakaran yang pelbagai seperti yang dicadangkan oleh Clayton (1997) iaitu pembangunan model, pengurusan guru, Pendidikan Islam dan Maqasid Syariah. Maklumat demografi pakar dikumpul oleh pengkaji melalui borang soal selidik pada Bahagian A seperti yang dapat dilihat pada Jadual 1.

Jadual 1: Maklumat Demografi Pakar


Bidang Kepakaran	Bilangan Pakar	Jantina		Tahap Pendidikan		
		Lelaki	Perempuan	Sarjana Muda	Sarjana	PhD
Pembangunan model	2	2				2
Pengurusan guru	2	2		1	1	
Pendidikan Islam	4	1	3	4		
Maqasid Syariah	2	2			1	1

Langkah kedua ialah pembinaan soal selidik. Set soal selidik dibina sama seperti soal selidik biasa yang menggunakan Skala *Likert* bagi mengukur

apa yang hendak diukur. Item-item yang dibina adalah berdasarkan sorotan literatur, kajian rintis, dan pengalaman (Skulmoski *et al.*, 2007). Langkah ketiga ialah penyebaran dan pengutipan data. Proses ini dijalankan dengan menggunakan *google form* secara dalam talian melalui aplikasi *Whatsapp* dan Emel.

Langkah keempat ialah penukaran kesemua pemboleh ubah linguistik yang menggunakan aras persetujuan melalui Skala *Likert* 7 poin kepada Skala *Fuzzy* iaitu Pernomboran Segitiga *Fuzzy* (*Triangular Fuzzy Numbers*) (Jamil & Noh, 2020). Pernomboran Segitiga *Fuzzy* terdiri daripada nilai purata nombor *fuzzy* iaitu m_1 (nilai minimum), m_2 (nilai paling munasabah), dan m_3 (nilai maksimum). Set pernomboran ini seringkali diwakilkan dalam bentuk (m_1, m_2, m_3) . Rajah 1 menunjukkan graf segitiga min melawan nilai *triangular* yang mewakili ketiga-tiga nilai dalam Pernomboran Segitiga *Fuzzy*.

Rajah 1: Graf Segitiga Min Melawan Nilai *Triangular*



Langkah kelima ialah penganalisan data Pernomboran Segitiga *Fuzzy* bagi memperoleh nilai *threshold* (d) iaitu nilai ambang. Bagi mendapatkan konsensus pakar bagi setiap item, syarat utama yang mesti dipatuhi ialah nilai *threshold* (d) kurang atau sama dengan nilai 0.2 ($d \leq 0.2$) berpandukan pengiraan menggunakan kaedah *vertex* untuk mengira jarak antara purata *rij* (Chen, 2000). Jarak bagi setiap nombor *fuzzy* iaitu $m = (m_1, m_2, m_3)$ dan $n = (n_1, n_2, n_3)$ dikira menggunakan rumus seperti berikut:

$$d(m,n) = \sqrt{1/3[(m_1-n_1)^2 + (m_2-n_2)^2 + (m_3-n_3)^2]}$$

Langkah keenam ialah penentuan nilai peratusan konsensus kumpulan pakar secara keseluruhan bagi setiap item. Nilai peratusan tersebut mestilah sama atau melebihi 75 peratus (%) (konsensus kumpulan pakar $\geq 75\%$) (Chu & Hwang, 2008; Murry & Hammons, 1995).

Langkah ketujuh ialah penentuan kedudukan keutamaan (*ranking*) bagi setiap item berdasarkan pandangan pakar melalui proses *defuzzification* (*defuzzification process*). Proses ini bertujuan untuk mendapatkan nilai skor *fuzzy*

(A_{max}). Konsensus pakar adalah diterima dengan syarat jika nilai $\alpha - cut$ yang diperoleh adalah sama atau lebih daripada 0.5 ($\alpha - cut \geq 0.5$) (Bodjanova, 2006; Tang & Wu, 2010). Ini menunjukkan bahawa item tersebut diterima berdasarkan konsensus pakar. Jika kurang daripada 0.5, maka item tersebut ditolak kerana tidak mencapai konsensus pakar. Justeru, bagi mendapatkan nilai skor *fuzzy* (A_{max}) tersebut, para pengkaji boleh menggunakan mana-mana rumus seperti berikut (Jamil & Noh, 2020):

- i) $A_{max} = 1/3 * (m_1 + m_2 + m_3)$
- ii) $A_{max} = 1/4 * (m_1 + 2m_2 + m_3)$
- iii) $A_{max} = 1/6 * (m_1 + 4m_2 + m_3)$

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Komponen Utama Kompetensi Guru Pendidikan Islam Berdasarkan Prinsip Asas Maqasid Syariah

Jadual 2: Analisis Kaedah FDM dan Konsensus Pakar Terhadap Komponen Utama

Komponen Utama Kompetensi GPI	Syarat Pernomboran	Konsensus	Konsensus
	Segitiga Fuzzy $d > 0.2$ (item digugurkan)	Kumpulan Pakar Peratusan $\geq 75\%$	Pakar
Religiositi	-	95.7%	Terima
Spiritual & Fizikal	-	94.7%	Terima
Intelektual & Kemahiran	-	93.7%	Terima
Personaliti	-	92.67%	Terima
Pengurusan & Kepimpinan	-	91.67%	Terima

Berdasarkan Jadual 2 di atas, kesemua komponen utama kompetensi khusus bagi GPI telah diterima melalui konsensus kumpulan pakar berdasarkan syarat yang telah ditetapkan dalam analisis FDM iaitu nilai *threshold* (d) kurang atau sama dengan 0.2 ($d \leq 0.2$) dan kesepakatan kumpulan pakar pula melebihi 75%.

Turutan dan Kedudukan Keutamaan (*Ranking*) Komponen Utama

Jadual 3 menunjukkan nilai skor *fuzzy* (A_{max}) bagi menentukan *ranking* bagi setiap komponen utama.

Jadual 3: *Ranking* Berdasarkan Nilai Skor Fuzzy (A_{max})

No. Item	Komponen Utama Kompetensi GPI	Skor Fuzzy (A_{max})	Konsensus Pakar	<i>Ranking</i>
1.	Religiositi	0.957	Terima	1

2.	Spiritual & Fizikal	0.947	Terima	2
3.	Intelektual & Kemahiran	0.937	Terima	3
4.	Personaliti	0.927	Terima	4
5.	Pengurusan & Kepimpinan	0.917	Terima	5

Berdasarkan Jadual 3 di atas, *ranking* (kedudukan keutamaan) bagi setiap komponen utama telah ditentukan melalui proses *defuzzification* bertujuan untuk mendapatkan nilai skor *fuzzy* (A_{max}). Konsensus pakar telah diterima apabila syarat nilai α – cut yang diperolehi adalah lebih daripada 0.5 (α – cut \geq 0.5).

Jadual 4: Pembinaan Komponen Utama Kompetensi Khusus Bagi GPI

Bil.	Prinsip Asas Maqasid Syariah	Komponen Utama
1.	<i>Hifz al-Din</i> (pemeliharaan agama)	→ Religiositi
2.	<i>Hifz al-Nafs</i> (pemeliharaan nyawa)	→ Spiritual dan fizikal
3.	<i>Hifz al-'Aql</i> (pemeliharaan akal)	→ Intelektual dan kemahiran
4.	<i>Hifz al-Nasl</i> (pemeliharaan keturunan)	→ Personaliti
5.	<i>Hifz al-Mal</i> (pemeliharaan harta)	→ Pengurusan dan kepimpinan

Hasil dapatan kajian mendapati kesemua komponen utama yang dibina iaitu religiositi, spiritual dan fizikal, intelektual dan kemahiran, personaliti, dan pengurusan dan kepimpinan telah diterima secara konsensus daripada pakar yang terlibat sebagai informan dalam kajian ini. Perkara ini membuktikan bahawa kelima-lima kompetensi yang direka bentuk ini diperlukan oleh GPI di mana ia selari dengan prinsip Islami.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa *ranking* komponen utama yang dibina adalah sepadan dengan turutan prinsip asas Maqasid Syariah. Jika diamati, kedudukan religiositi (penghayatan agama) berada pada *ranking* pertama dan ia setara dengan prinsip asas pertama Maqasid Syariah iaitu *Hifz al-Din* (pemeliharaan agama). Oleh kerana itu, reka bentuk kompetensi ini dianggap istimewa dan amat signifikan bagi GPI kerana elemen utama yang diangkat adalah disandarkan kepada nilai penghayatan agama. *Ranking* komponen utama yang kedua hingga kelima juga setara dengan turutan prinsip asas Maqasid Syariah tersebut. Tuntasnya, pembinaan kompetensi khusus bagi GPI seperti ini menjadi penambah baik terhadap model-model kompetensi sedia ada.

Oleh yang demikian, implikasi terbesar kajian ini adalah tercetusnya ruang lingkup baharu dengan reka bentuk dan pembinaan kompetensi yang khusus bagi GPI. Secara tidak langsung, kajian ini juga merupakan pembuka jalan bagi pembinaan kompetensi guru berdasarkan bidang dan opsyen guru yang pelbagai. Kelestarian kedua-dua implikasi ini bakal menjadi sebuah dimensi baharu bagi dunia pendidikan, seterusnya memartabatkan profesion perguruan di peringkat kebangsaan khususnya bagi para GPI.

KESIMPULAN

Kajian ini merupakan sebahagian daripada proses reka bentuk sebuah model kompetensi khusus bagi GPI dengan pembinaan komponen utama bagi model tersebut. Sebelum proses ini dijalankan, pengkaji terlebih dahulu membuat tinjauan bagi melihat tahap keperluan terhadap pembinaan sebuah model kompetensi khusus bagi GPI berasaskan kepada prinsip-prinsip asas yang terkandung dalam Maqasid Syariah. Setelah dikenal pasti, ternyata terdapat keperluan bagi pembinaan model tersebut. Justeru, langkah seterusnya adalah proses reka bentuk komponen utama bagi model yang ingin dibangunkan itu. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, pengkaji mengaplikasikan TD bagi mengumpulkan pandangan dan mendapatkan konsensus sekumpulan pakar, seterusnya dianalisis menggunakan FDM.

Hasil daripada analisis FDM yang dijalankan, maka terbentuklah komponen utama bagi fasa reka bentuk model kompetensi khusus GPI setelah mendapatkan konsensus sekumpulan pakar dengan menepati syarat yang ditetapkan iaitu nilai *threshold* (d) tidak melebihi 0.2 ($d \leq 0.2$) dan kesepakatan kumpulan pakar melebihi 75%. Manakala konsensus pakar juga telah diterima bagi *ranking* kedudukan keutamaan setiap komponen utama setelah syarat nilai α – cut ditepati iaitu melebihi daripada 0.5 (α – cut ≥ 0.5).

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan konsensus pakar yang bertindak sebagai informan kajian ini berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, kajian ini sekaligus berjaya memberikan implikasi terhadap pernyataan masalah kajian di mana berdasarkan analisis FDM yang terbukti mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi telah berjaya mereka bentuk komponen utama kompetensi khusus bagi GPI.

RUJUKAN

- Adler, M., & Ziglio, E. (1996). *Gazing into the oracle: The Delphi method and its application to social policy and public health*: Jessica Kingsley Publishers.
- Ahmad, A. M. (2018). *Pembangunan Model ENi Berasaskan Aktiviti Inkuiri Bagi Program Latihan Kemahiran Kejuruteraan Institut Latihan Kemahiran Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya (UM).
- Al-Ghazali. (1993). *al- Mustashfa min 'Ilm al- Ushul*. Beirut: Dar al- Kutub al- 'Ilmiyyah.

- Al-Raysuni, A. (1997). *Nazhariyyatul Maqasid 'indal Imam al- Syathibi*. Mesir: Dar al- Kalimah.
- Berliner, D. C. (2004a). Describing the behavior and documenting the accomplishments of expert teachers. *Bulletin of Science, Technology & Society*, 24(3), 200-212.
- Bodjanova, S. (2006). Median alpha-levels of a fuzzy number. *Fuzzy sets and systems*, 157(7), 879-891.
- Brown, B. B. (1968). *Delphi process: a methodology used for the elicitation of opinions of experts*: Santa Monica CA: Rand Corporation.
- Chen, C.-T. (2000). Extensions of the TOPSIS for group decision-making under fuzzy environment. *Fuzzy sets and systems*, 114(1), 1-9.
- Chu, H.-C., & Hwang, G.-J. (2008). A Delphi-based approach to developing expert systems with the cooperation of multiple experts. *Expert systems with applications*, 34(4), 2826-2840.
- Clayton, M. J. (1997). Delphi: a technique to harness expert opinion for critical decision-making tasks in education. *Educational psychology*, 17(4), 373-386.
- Cope, R. (1981). Education 1990: A delphi study of possible future problems or issues for public education in Missouri (Doctoral dissertation, University of Missouri, 1981). *Dissertation Abstracts International*, 43(6).
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2017). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*: California: SAGE Publications.
- Dalkey, N., & Helmer, O. (1963). An experimental application of the Delphi method to the use of experts. *Management science*, 9(3), 458-467.
- Delbecq, A. L., Van de Ven, A. H., & Gustafson, D. H. (1975). *Group Techniques for Program Planning: A Guide to Nominal Group and Delphi Processes*. Glenview, IL: Scott, Foresman.
- Ernawati, A., & Sihes, A. J. B. (2014). *Aspek-aspek kompetensi holistik guru dalam pengajaran di sekolah menengah*. Paper presented at the Proceedings of *The 1st Academic Symposium on Integrating Knowledge (The 1st ASIK): Integrating Knowledge with Science and Religion*.
- Green, R. A. (2014). The Delphi technique in educational research. *Sage Open*, 4(2), 2158244014529773.
- Hamdan, N., & Jasmi, K. A. (2016). Sifat keperibadian Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap rakan setugas dan pihak atasan di sekolah: Satu kajian kes. *International Journal of Islamic and Civilization Studies*, 3(2), 35-44.
- Hasson, F., Keeney, S., & McKenna, H. (2000). Research guidelines for the Delphi survey technique. *Journal of advanced nursing*, 32(4), 1008-1015.
- Ibrahim, M. S., & Razak, A. Z. A. (2015). *Strategi Implementasi: Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Jamil, M. R. M., & Noh, N. M. (2020). *Kepelbagaian Metodologi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*. Selangor: Qaisar Prestige Resources.
- Jamil, M. R. M., Said, S., & Azeez, M. I. K. (2017). Kompetensi Guru Terhadap Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran: Suatu Pendekatan Teknik Fuzzy Delphi. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(3), 77-88.
- KPM. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- KPM. (2016a). *Dokumen Awal Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- KPM. (2016b). *Standard Prestasi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Edisi Awal)*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Lang, T. (1995). An overview of four futures methodologies. *Manoa Journal of Fried and Half-Fried Ideas*, 7, 1-43.
- Lateh, N. (2016). *Pembangunan Instrumen Pelaburan Emas Patuh Syariah (iPEPS) Di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- Lateh, N., Yaacob, S. E., & Rejab, S. N. M. (2017). Applying the Fuzzy Delphi Method (FDM) to Analyze the Expert Consensus Values for Instrument of Shariah-Compliant Gold Investment. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 25.
- Ley, D., & Anderson, G. (1975). The Delphi technique in urban forecasting. *Regional Studies*, 9(3), 243-249.
- Murray, T. J., Pipino, L. L., & van Gigch, J. P. (1985). A pilot study of fuzzy set modification of Delphi. *Human Systems Management*, 5(1), 76-80.
- Murry, J. W., & Hammons, J. O. (1995). Delphi: A versatile methodology for conducting qualitative research. *The review of higher education*, 18(4), 423-436.
- Mustapha, R., Ali, H. Z., & Yusof, A. M. (2019). Persetujuan Pakar Terhadap Kerangka Model Muallim Ideal Berdasarkan Surah Al-Kahfi: Analisis Kaedah Fuzzy Delphi. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 15.
- Naim, A. M. (2003). *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam (UUM Press)*: UUM Press.
- Phillips, R. (2000). *New applications for the Delphi technique*. 2, 191-196. San Diego: Annual San Diego Pfeiffer And Company.
- Rahman, A. A., Zulkifli, M. S., Hashimee, M., Wazir, A., & Sayed, M. (2019). Tahap Kompetensi Guru Bahasa Arab Di SABK Di Malaysia: Satu Dimensi. *e-Bangi*, 16(2).
- Ramlie, H. A. (2017). *Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah'*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya (UM).
- Rashid, Z. A. N., Mazri, N. M., Sawari, M. F. M., & Laksamana, N. N. M. (2019). Aplikasi Maqasid Syariah dalam sistem pendidikan di Malaysia:

- Pembelajaran Abad Ke-21. *International Journal of Business, Economics and Law*, 18(6), pp. 81-90.
- Salleh, R. M., Hamzah, M. I., & Zulkifli, H. (2020). Islamic Education Teacher Competency Implementing Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Teaching: Issues, Problems and Challenges. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*. 9(2), 518-526.
- Siraj, S., & Ibrahim, M. S. (2013). *Standard kompetensi guru Malaysia*. Diakses pada Desember 20, 2019. https://www.academia.edu/13727679/STANDARD_KOMPETENSI_GURU_MALAYSIA.
- Skulmoski, G. J., Hartman, F. T., & Krahn, J. (2007). The Delphi method for graduate research. *Journal of Information Technology Education: Research*, 6(1), 1-21.
- Spencer, L. M., & Spencer, S. M. (1993). *Competence at Work, models for superior performance*. New York: John Wiley & Sons.
- Swanson, R. A., Holton, E., & Holton, E. F. (2001). *Foundations of human resource development*: Berrett-Koehler Publishers.
- Tamuri, A. H., & Ajuhary, M. K. A. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu 'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Tang, C.-W., & Wu, C.-T. (2010). Obtaining a picture of undergraduate education quality: a voice from inside the university. *Higher Education*, 60(3), 269-286.
- Wahab, W. M. N. W. A. (2011). *Maqasid Syariah: Cabaran dan Penyelesaian Dalam Merealisasikannya*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Zadeh, L. A. (1965). Information and control. *Fuzzy sets*, 8(3), 338-353.
- Zaini, A. R., Zakaria, N. S., Ismail, M. R., Ghazali, M. R., & Hamdan, H. (2020). Kompetensi Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah di Malaysia: Competency of Arabic Teachers in Primary School in Malaysia. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(1), 103-113.
- Zakaria, N. S., Zaini, A. R., Razak, A. Z. A., Azizan, M. R., Hamdan, H., Ismail, R., & Ghazali, M. R. (2017). *Kompetensi Guru Bahasa Arab Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia*. Diakses pada April 21, 2019. <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/2030-NOOR-SHAMSINAR-2012.pdf>.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.